

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian kualitatif ini pada asasnya berbentuk analisis wacana lisan (Nunan, 1992: 161) yang mengandungi beberapa episod perbualan di antara subjek kajian dengan rakan-rakan Iban yang sama-sama mengikuti Kursus Diploma Perguruan Malaysia. Perbualan yang berlaku secara spontan serta dalam suasana semula jadi dirakam dengan menggunakan pita rakaman sebelum ditranskripsikan, dianalisis dan ditafsirkan.

Reka bentuk ini didapati sesuai kerana tujuan kajian ini dibuat untuk mendapatkan huraian sosiolinguistik tentang fenomena penukaran kod dalam suasana semula jadi dan tidak terganggu. Cara ini adalah sejajar dengan pendapat Ervin-Trip (1964) yang dipetik Sampson (1971: 56) bahawa kajian seumpama yang dibuat oleh Labov hendaklah dijalankan dalam suasana semula jadi supaya interaksi verbal dapat berlaku secara bebas dan bermakna.

Selain menggunakan rakaman perbualan, temubual juga diadakan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang amalan penukaran kod yang terdapat dalam transkripsi perbualan subjek. Tambahan kepada itu, borang maklumat (Lampiran A) juga digunakan untuk mendapatkan gambaran tentang keupayaan linguistik dan perhubungan sosial (*social contact*) subjek.

3.2 Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada sepuluh orang guru pelatih Iban, semester tiga Kursus Diploma Perguruan Malaysia di Maktab Perguruan Rajang, Bintangor, Sarawak. Mereka berada dalam lingkungan umur di antara 18 hingga 23 tahun. Sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah, iaitu hasil tinjauan yang dibuat oleh penyelidik berdasarkan Borang Maklumat (Lampiran A), kesemua subjek berasal dari tempat yang masyarakat sekeliling mereka menuturkan dua atau lebih bahasa.

Jadual 1: Latar belakang bahasa subjek kajian
(berdasarkan maklumat daripada borang Lampiran A)

N= 10

Kelulusan bahasa di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)						Bahasa pertuturan di rumah				Masa mula berinteraksi dengan masyarakat bahasa lain			Masyarakat bahasa di tempat tinggal		
BM			BI			BM	BI	BN	BL	BS	SS	SM	Eka-bahasa	Dwi-bahasa	Multi-bahasa
L	K	C	L	K	C										
-	8	2	8	2	-	10	8	10	9	1	9	-	-	9	1

Petunjuk:

- BM : Bahasa Melayu (Malaysia)
- BI : Bahasa Inggeris
- BN : Bahasa Iban
- BL : Bahasa lain
- L : Lulus
- K : Kepujian
- C : Cemerlang
- BS : Belum sekolah
- SS : Semasa di sekolah
- SM : Semasa di maktab

Selain itu, mereka juga telah berinteraksi dengan masyarakat yang menuturkan bahasa lain sejak dari bangku sekolah lagi. Tujuan pemilihan ini dibuat atas andaian bahawa perhubungan sosial (*social contact*) seseorang dengan masyarakat luar atau kumpulan sosial lain boleh mempengaruhi pemilihan bahasanya ketika berinteraksi (Holmes, 2001). Ini juga selari dengan pendapat bahawa kesedaran linguistik seseorang itu boleh mempengaruhi amalan penukaran kodnya (Hawkins, 1984). Semua subjek juga menuturkan sekurang-kurangnya dua bahasa di rumah.

Manakala itu dari segi kelayakan dan keupayaan linguistik, kesemua subjek sekurang-kurangnya memiliki Sijil Pelajaran Malaysia serta memiliki kelulusan Bahasa Melayu dengan pangkat kepujian pada peringkat peperiksaan tersebut dan juga lulus Bahasa Inggeris, sepertimana yang dikehendaki sebagai syarat minimum untuk mengikuti Kursus Diploma Perguruan Malaysia. Lapan orang daripada mereka pernah mempelajari bahasa Iban secara formal sehingga ke peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Kumpulan subjek ini dipilih berdasarkan kecenderungan mereka menukar kod ketika berinteraksi serta kesanggupan mereka menawarkan diri secara sukarela. Satu sesi perjumpaan di antara penyelidik dengan guru pelatih Iban semester tiga telah diadakan selepas mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Maktab Perguruan Rajang. Namun tidak semua guru pelatih berkenaan dapat hadir di atas sebab yang tidak dapat dielakkan. Semasa berbincang dengan kumpulan guru pelatih berkenaan, penyelidik mencampurkan penggunaan bahasa Iban dengan bahasa lain seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Ini dilakukan dengan harapan mereka juga akan turut ikut serta, sekaligus memudahkan penyelidik untuk mengenal pasti siapakah di

antara mereka yang sesuai dijadikan subjek kajian berdasarkan gambaran awal penyelidik tentang kecenderungan guru pelatih berkenaan menukar kod ketika berinteraksi. Perlu dinyatakan di sini juga bahawa kumpulan guru pelatih Iban yang menuntut dalam semester lain atau kursus lain tidak dipilih di atas faktor kekangan masa dan keperluan menjalani latihan mengajar (praktikum) di luar kawasan maktab ketika kajian dibuat.

3.3 Instrumen Kajian

Dua buah pita rakaman (jenis *walkman*) digunakan untuk mengumpul data. Sebuah digunakan untuk merakamkan perbualan di kalangan subjek lelaki dan sebuah lagi di kalangan subjek perempuan. Ini dilakukan semata-mata untuk menjimatkan masa serta memudahkan rakaman perbualan memandangkan tempat penginapan subjek yang berlainan dan terpisah mengikut jantina di kawasan maktab. Selain pita rakaman, borang maklumat juga digunakan untuk mendapatkan gambaran tentang latar belakang linguistik dan kontak sosial subjek (lihat Lampiran A). Temubual yang berbentuk pasca-rakaman juga diadakan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang makna sosial penukaran kod yang terdapat dalam transkripsi perbualan subjek.

3.4 Prosedur dan Pengumpulan Data

Setelah subjek dikenal pasti, penyelidik telah mengadakan satu sesi perjumpaan dengan mereka. Dalam perjumpaan itu, subjek diberitahu tentang tujuan penyelidik menjalankan kajian dan tatacara kajian dijalankan. Para subjek diyakinkan tentang kerahsiaan perbualan dan identiti mereka. Mereka diberitahu yang mereka bebas

untuk berbual dengan mana-mana rakan sekursus atau bukan sekursus, asalkan para peserta itu hendaklah juga menuturkan bahasa Iban sebagai bahasa pertama mereka. Perbualan bebas dilakukan dalam situasi informal seperti di asrama, kantin atau semasa belajar sendiri (BS); dan juga semasa menjalani aktiviti gerak kerja ko-kurikulum. Perbualan dalam situasi formal dielakkan kerana ia difikirkan kurang mengizinkan penukaran kod. Dari segi penyertaan, bilangan peserta dalam sesuatu perbualan dihadkan kepada tidak melebihi tiga orang. Dua orang adalah paling sesuai supaya proses penganalisan data lebih mudah dilakukan.

Dari segi masa rakaman pula, tidak ada had masa ditetapkan. Sebaliknya apa yang dipentingkan ialah perbualan itu merupakan sesuatu wacana lisan yang lengkap serta mengandungi sekurang-kurangnya satu perkara yang menjadi topik perbualan. Bagaimanapun, subjek tidak diberitahu tentang masa rakaman perbualan akan dibuat. Perbualan dirakamkan oleh rakan subjek sendiri dengan menggunakan pita rakaman jenis *walkman* yang dibekalkan. Pita rakaman diletakkan di tempat yang tidak diketahui oleh subjek, seperti di dalam beg atau diletakkan terlebih dahulu di suatu tempat yang tersembunyi. Cara ini memungkinkan perbualan spontan dapat dibuat dalam suasana semula jadi tanpa diganggu oleh kehadiran penyelidik dan tukang rakam. Maka dengan cara itu subjek difikirkan lebih bebas menggunakan bahasa pilihan mereka ketika berinteraksi (Wardhaugh, 1992). Data dikumpul apabila sekurang-kurangnya empat situasi perbualan berjaya dirakamkan daripada setiap subjek. Pengumpulan data itu dilakukan mulai bulan Januari 2003 hingga Mac 2003; iaitu selama 15 minggu. Tempoh masa ini dipilih kerana ia merupakan bahagian awal semester di mana subjek masih belum sibuk lagi dengan hal-hal peperiksaan semester. Pendek kata, ia lebih memudahkan proses pengumpulan data.

3.5 Persampelan

Sebanyak 43 tiga set perbualan yang berlaku dalam keadaan informal telah dikumpul untuk tujuan kajian ini. Rata-ratanya semua set perbualan itu lebih kurang sama panjang dari segi masa dan jumlah perkataan. Bagaimanapun, bukan semua perbualan yang dirakam dapat digunakan untuk kajian ini kerana terdapat beberapa set rakaman perbualan yang kurang jelas dan tidak sesuai kerana tidak mengandungi penukaran kod.

3.6 Penganalisan Data

Bahagian ini secara khusus membincangkan cara data dianalisis dan ditafsirkan berdasarkan fungsi perbualan beberapa orang sarjana yang difikirkan relevan dengan tujuan kajian ini dari perspektif sosiolinguistik, khasnya yang berhubung dengan sebab dan makna sosial penukaran kod.

3.6.1 Prosedur penganalisan data

Rakaman perbualan yang berlaku dalam keadaan semula jadi telah ditranskripsikan dengan menggunakan ortografi Inggeris sebelum dikelompokkan dan dilabel sebagai unit mengikut tempat, peserta perbualan dan domain. Setiap unit itu kemudiannya dipecahkan dan dilabel sebagai episod mengikut topik wacana. Setiap perbualan yang dianalisis dianggap sebagai suatu wacana yang lengkap untuk dijadikan asas penafsiran mengikut konteks. Ini dilakukan kerana makna biasanya ditentukan oleh konteks penggunaan bahasa (Firth, 1957). Dalam pada itu, huruf abjad (*font*) yang berbeza-beza digunakan untuk menandakan penggunaan bahasa yang berlainan. Huruf besar biasa Roman digunakan untuk menandakan ujaran bahasa Iban,

manakala huruf kecil untuk ujaran bahasa Melayu (bahasa Malaysia). Bagi ujaran bahasa Inggeris, ia ditandai dengan penggunaan huruf kecil condong (*italic*) Roman. Ujaran bahasa Melayu Sarawak pula dikenali dengan penggunaan huruf kecil condong Arial. Huruf “S” digunakan untuk menandakan ujaran subjek dan “I” untuk ujaran peserta perbualan (Lihat Lampiran C).

Ujaran subjek kemudiannya diselidiki untuk menentukan unsur penukaran kod yang terdapat di dalamnya. Bagi tujuan itu, setiap perbualan yang berkisar kepada sesuatu perkara utama diselidiki apabila giliran percakapan yang terdapat di dalamnya didapati mengandungi unsur penukaran kod. Ujaran yang mengandungi penukaran kod itu pula dikaji dari dua perspektif, iaitu: (i) giliran percakapan untuk menentukan sebab atau motivasi penutur menukar kod berdasarkan situasi atau konteks peristiwa bahasa itu berlaku; dan (ii) menggantikan sesuatu item yang ditukar kod dengan item daripada satu lagi bahasa untuk mengetahui kepentingan struktur item tersebut. Setiap ujaran yang mengandungi unsur penukaran kod digarisi dan ditandai dengan menggunakan huruf besar di sebelah kanan mengikut fungsi perbualannya dan diberikan nombor siri mengikut urutan. Semua ini dilakukan untuk mendapatkan makna keseluruhan peristiwa bahasa tersebut.

3.6.2 Masalah prosedur

Satu daripada cabaran yang dihadapi oleh penyelidik ketika menganalisis data ialah masalah untuk menentukan sama ada sesuatu unsur yang terkandung dalam ujaran dwibahasa itu benar-benar merupakan penukaran kod atau semata-mata merupakan perkataan pinjaman (*loanword*). Ia semakin rumit apabila konstituen sesuatu ayat itu didapati lebih kecil, terutamanya pada peringkat leksikal atau perkataan. Oleh itu,

pengamatan fonologi yang dibuat berdasarkan sebutan penutur mungkin tidak dapat memberikan petanda yang mencukupi untuk membuat perbezaan tersebut. Apatah lagi jika pengaruh loghat penutur didapati menebal ketika bercakap dalam bahasa lain atau bukan bahasa ibundanya. Penyelesaian melalui pengamatan morfologi juga mungkin kurang relevan jika leksem yang digunakan itu berbentuk kata akar atau kata dasar, seperti keadaannya dengan kata-kata nama bukan terbitan atau kata-kata yang tidak menggunakan imbuhan. Sehubungan itu, pendekatan yang digunakan dalam kajian ini untuk mengatasi masalah tersebut ialah dengan mengkaji kekerapan penggunaan sesuatu leksem yang bermasalah dan asimilasi sintaksis serta morfologinya. Pendekatan ini, sesungguhnya amat digemari oleh ramai penyelidik (Chin, 1993: 33).

3.6.3 Asas penganalisan data

Penganalisan data dalam kajian ini adalah berasaskan fungsi perbualan yang dipelopori oleh Gumperz (1982); dan ditambah pula dengan fungsi yang dikemukakan oleh sarjana lain seperti Poplack (1988), Kachru (1983) dan Rayfield (1970). Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa fungsi perbualan diubahsuai oleh penyelidik untuk memuatkan mana-mana data yang difikirkan tidak sesuai dimasukkan ke dalam fungsi perbualan asal Gumperz (1982), Poplack (1988), Kachru (1983) dan Rayfield (1970). Kesemua fungsi perbualan tersebut membentuk kerangka teoritis yang digunakan untuk mengkaji sebab-musabab pencetusan penerukan kod di kalangan subjek serta penafsiran makna sosialnya. Asas yang digunakan untuk penganalisan sosiolinguistik dalam kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di muka surat sebelah.

Jadual 2: Senarai fungsi perbualan yang digunakan untuk penganalisan data

Fungsi Perbualan	
Gumperz (1982)	1. Petikan percakapan 2. Rujukan khusus pendengar 3. Interjeksi 4. Pengulangan 5. Penentuan mesej 6. Pernyataan bersifat peribadi lawan umum
Poplack (1988)	7. Kemudahan ekspresi 8. Komen berlebihan
Kachru (1983)	9. Identifikasi peranan 10. Identifikasi laras
Rayfield (1970)	11. Penegasan perbezaan 12. Penegasan pernyataan yang tidak diduga 13. Perihal kesopanan 14. Penukaran topik perbualan
(Diubahsuai)	15. Pernyataan atau pertanyaan yang memerlukan jawapan atau pengesahan 16. Pemindahan penanda bawah sedar

Perlu ditegaskan di sini bahawa kajian ini bukanlah bertujuan untuk melihat aspek linguistik penukaran kod atau mengkajinya serentak dengan aspek sosiolinguistik. Sebaliknya, kajian ini memilih untuk mengkaji dan menafsirkan motivasi sosial penukaran kod secara kualitatif berdasarkan semua fungsi perbualan di atas yang pada pendapat penyelidik relevan dengan tujuan kajian ini.